

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_

Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Lapisan Lebihan Indemniti Profesional untuk Para Peguam. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Syarikat”/”Kami”)  
Nama Produk : Lapisan Lebihan Indemniti Profesional untuk Para Peguam

**1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

Polisi ini adalah sebuah polisi Insurans Indemniti Profesional untuk para Peguam dalam lebihan Indemniti Mandatori di bawah Skim Badan Peguam. Polisi ini diguna pakai untuk para peguam di Malaysia Timur sahaja.

**2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi Pihak Diinsuranskan untuk Ganti Rugi sehingga tetapi tidak melebihi, dalam agregat, jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi sebagai Had Indemniti, untuk sebarang tuntutan yang pertama kali dibuat, terhadap mana-mana atau semua Pihak Diinsuranskan, semasa Tempoh Insurans berhubung sebarang liabiliti awam yang ditanggung ketika dalam perjalanan perilaku Profesion oleh Amalan tersebut, asalkan tiada liabiliti di bawah ini untuk sebarang tuntutan yang dibuat terhadap Pihak Diinsuranskan dengan alasan sebarang tindakan, ralat atau ketinggalan yang berlaku atau dikatakan dibuat sebelum Tarikh Retroaktif yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

Syarikat akan hanya berkewajipan di bawah insurans ini bagi Ganti Rugi **dalam lebihan kepada Ganti Rugi** di dalam amaun Deduktibel yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

Polisi ini akan membayar Kos-kos Pembelaan, yang boleh dibayar dalam lingkungan Had Indemniti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi, asalkan sesebuah bayaran Ganti Rugi melebihi had indemniti Polisi Utama telah dibuat untuk melupuskan sesebuah tuntutan. Syarikat akan menyumbang kepada Kos-kos Pembelaan dalam pembahagian langsung pembayaran bahagian Syarikat untuk tanggungan Ganti Rugi kepada Jumlah Ganti Rugi yang perlu dibayar, walau bagaimanapun Indemniti Maksimum syarikat Ganti Rugi dan Kos-kos Pembelaan seharusnya tidak melebihi Had Indemniti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

Tempoh perlindungan ialah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Premium yang anda perlu bayar bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan kami seperti tiada rakan kongsi, anggaran yuran kasar tahunan dan had liabiliti Mandatori.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/ RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Setiap permohonan perlu diserahkan dengan borang cadangan Lapisan Lebihan untuk Para Peguam Allianz serta borang cadangan Badan Peguam.
- Anda mesti memastikan yang had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Anda mesti mengistiharkan anggaran yuran tahunan kasar yang tepat dan pengalaman tuntutan anda
- Syarat Pengekalan Insurans Utama – Anda seharusnya mengekalkan insurans Utama pada setiap masa ketika Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual.
- Syarat Tarikh Retroaktif – Apabila tarikh retroaktif dinyatakan di dalam Jadual, insurans ini tidak akan mengguna pakai ke atas tuntutan-tuntutan yang dibuat terhadap Pihak Diinsuranskan dengan alasan sebarang tindakan, ralat atau ketinggalan yang dilakukan atau dikatakan dibuat sebelum Tarikh Retroaktif itu.

**6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

- Liabiliti yang dilindungi di bawah polisi lain;
- Fakta-fakta, situasi, keadaan atau kejadian yang diberitahu atau diketahui;
- Salah laku;
- Aku janji kewangan peribadi selain daripada dalam kepercayaan mutlak atau diperlukan oleh undang-undang;
- Kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta;
- Kemungkiran kontrak pekerjaan;
- Liabiliti Berkontrak melainkan walau apa pun boleh ditambah pada kontrak tersebut;
- Hutang perdagangan;
- Waranti atau jaminan berhubung dengan pulangan kewangan atas pelaburan;
- Liabiliti radiasi atau nuklear;
- Liabiliti penerbangan;
- Perang;
- Liabiliti Para Pengarah & Pegawai;
- Bertindak sebaliknya daripada mengikut Peraturan Badan Peguam di atas konflik kepentingan;
- Libel dan fitnah;
- Pelanggaran atau ketirupaan hak harta intelek;
- Denda, penalti, ganti rugi punitif atau teladan;
- Pencemaran Liabiliti;
- Keganasan;
- Y2K

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Jika Polisi dibatalkan, premium yang diperolehi akan dihitung secara pro-rata. Pelarasan premium boleh dibuat sama ada pada masa pembatalan dikuatkuasakan atau sejurus apabila boleh dipraktikkan selepas pembatalan menjadi berkuatkuasa, tetapi bayaran atau tender kepada premium tidak diperolehi bukan sebuah syarat pembatalan.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada cawangan-cawangan kami atau menghubungi kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542  
E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
📍 @ AllianzMalaysia  
🌐 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah seperti pada 01/03/2024.